

Jadi pusat penyimpanan makanan untuk hadapi banjir

Sarawak wujudkan 36 pangkalan

KUCHING – Sebanyak 36 buah lagi pangkalan hadapan baharu untuk simpanan makanan semasa banjir akan diwujudkan di Sarawak tahun ini sekali gus meningkatkan jumlah keseluruhan kepada 85 buah.

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga negeri, Datuk Fatimah Abdullah (**gambar**) berkata, lokasi pangkalan tersebut telah dikenal pasti berdasarkan data yang dikumpulkan sejak beberapa tahun lepas dan keperluan sesuatu kawasan.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat persediaan banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak di sini semalam, beliau berkata, beberapa pangkalan hadapan yang sudah wujud sejak tahun lepas akan dipindahkan ke tempat lain berikutan lokasi sedia ada tidak sesuai.



Selain itu, katanya, sebanyak 669 buah pusat pemindahan telah dikenal pasti untuk digunakan semasa bencana banjir dengan kapasiti menampung seramai 217,946 orang mangsa banjir.

“Buat julung-julung kalinya, sebuah pasukan petugas kaunseling ditubuhkan untuk membantu mangsa banjir yang menghadapi trauma pasca bencana,” katanya.

Banjir paling buruk yang berlaku di Sarawak adalah pada Disember tahun lalu apabila bahagian Kuching dan Samarahan membabitkan 921 mangsa daripada 231 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan manakala banjir pada tahun 2009, seramai 3,773 orang dipindahkan. – Bernama

GAMBAR dari udara menunjukkan banjir besar melanda bandar Sibu, Sarawak pada Disember 2009.

